

Iqbal Jaapar, Mohd Ali Azraie Bebit, Suzlee Ibrahim, Mohd Saharudin Supar, Mohd Shaharudin Sabu, Khurul ‘Ain Mahasan (2018). Muka Taip Berdasarkan Karakter dalam Seni Filem Tempatan. *Ideology*, 3 (3): 152-160, 2018

## Muka Taip Berdasarkan Karakter dalam Seni Filem Tempatan

**Iqbal bin Jaapar<sup>1</sup>, Mohd Ali Azraie bin Bebit<sup>2</sup>, Suzlee bin Ibrahim<sup>3</sup>,  
Mohd Saharuddin bin Supar<sup>4</sup>, Mohd Shaharuddin bin Sabu<sup>5</sup>, Khurul ‘Ain  
binti Mahasan<sup>6</sup>**

1 Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

2 Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

3 Fakulti Rekaan Komunikasi Visual, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan

[iqbal.j@outlook.com](mailto:iqbal.j@outlook.com)  
[azraiebebit@yahoo.co.uk](mailto:azraiebebit@yahoo.co.uk)  
[suzleeibrahim@gmail.com](mailto:suzleeibrahim@gmail.com)

### ABSTRAK

Asas projek ini adalah untuk merekabentuk muka taip digital huruf besar (A-Z) dengan menggunakan perisian vektor untuk menggambarkan watak Dayang Senandung dalam pengaruh Filem Klasik Melayu iaitu filem Dayang Senandung yang diarahkan oleh Jamil Sulong pada tahun 1965. Teknik yang kami gunakan untuk mereka bentuk muka taip itu berdasarkan kajian visual mengenai watak dan ciri-ciri yang terdapat dalam watak tersebut. Pendekatan keseluruhan kami adalah untuk mencipta satu muka taip komersial yang dapat mewakili visual dan personaliti watak Dayang Senandung. Proses jalan cerita dalam filem tersebut memberi ilham kepada pereka mengambil karakter dan sinopsis yang dilakukan Dayang Senandung untuk diabadikan dalam muka taip tersebut. Transaksi berkulit gelap kepada berkulit cerah yang terjadi pada Dayang Senandung ini diambil sebagai asas idea kepada muka taip “Dayang Senandung”. Selepas selesai tugas itu, kami dapati muka taip ini berjaya dari segi astetik menggambarkan kata-kata kunci tersebut. Jadi dengan wujudnya tipografi “Dayang Senandung” ini boleh memberikan para pereka lebih pilihan muka taip untuk mereka sesuatu rekaan.

**Kata Kunci:** Muka Taip, Vektor, Dayang Senandung, Komersial

## 1. PENGENALAN

Sesuatu muka taip boleh memberikan impak yang besar di dalam penyampaian sesuatu maklumat. Muka taip memberikan satu perasaan yang boleh mempengaruhi emosi, fikiran dan juga tindakan kepada sesiapa yang melihatnya hanya jika ia digunakan dengan berkesan. Penggunaan yang tidak sesuai boleh memberi penonton untuk menterjemahkan perkataan tersebut kepada sesuatu yang salah dan berlainan daripada maksud asal. Tipografi boleh dilihat dimana-mana saja mata kita melihat. Bagi seorang pereka, memilih tipografi adalah satu perkara yang amat diambil berat kerana setiap tipografi membawa makna dan meninggalkan kesan yang berbeza kepada penonton. Sebagai contoh tipografi "Comic Sans" tidak sesuai untuk menggambarkan sesuatu yang mengandungi kandungan seram dan tipografi "Eager Naturalist" tidak sesuai untuk menggambarkan sesuatu yang mempunyai kenangan yang indah. Masaalah dalam pemilihan tipografi dari sudut pereka sudah terwujud sekian lama sejak bermulanya penulisan sesebuah buku dan papan iklan. Walaupun ber puluh tipografi baharu wujud setiap hari sehingga hari ini, masaalah pemilihan tipografi ini tidak akan boleh diselesaikan kerana pemilihan tipografi bergantung kepada trend semasa, kandungan, mesej yang hendak disampaikan dan lain-lain lagi. Jadi dengan wujudnya tipografi ini boleh memberikan para pereka lebih pilihan muka taip untuk mereka sesuatu desain.



Figure 1



Figure 2

Hampir 10 tema muka taip yang wujud dan ada lebih 150 000 muka taip di dalam keluarga yang sama dan hampir 300 000 jenis muka taip digital yang berlainan yang direkodkan telah pun dicipta. Muka Taip "Helvetica" telah menjadi salah satu muka taip yang paling digemari di dunia. Menurut Alan Fletcher (2006), iaitu seorang pereka grafik dari Britania mengatakan "Helvetica" adalah satu muka taip yang memakai jaket labuh. Ini bermaksud setiap muka taip mempunyai "pakaian" yang tersendiri untuk melambangkan karakter masing-masing. Untuk membayangkan setiap muka taip adalah umpama satu fesyen untuk setiap karakter huruf bukanlah satu pemikiran baru. Adrian Frutiger (2008), seorang pereka muka taip dari Unterseen, Swistzerland mengatakan seorang pereka muka taip mempunyai tugas yang sama dengan seorang pereka fesyen.

Sebagai contoh, tipografi yang berasaskan geografi, sans-serif dengan perkadaran homogenis akan kelihatan bersih, kemas, bergaya dan moden. Oleh kerana itu tipografi enis ini banyak digunakan oleh syarikat atau individu untuk memperkenalkan produk dan servis yang mereka tawarkan kepada pelanggan. Manakala, jenama fesyen mewah sering memilih tipografi yang mewakili keanggunan yang berpanjangan, menggunakan tipografi tipis yang memiliki keluk yang lembut, strok yang lembut dan serif yang tertutup (bracketed serif).




Figure 3: Jenis-jenis serif

Cara yang baik untuk mereka satu muka taip adalah dengan mencari inspirasi. Ia berada di sekeliling samada sedar atau tidak dan boleh hadir dalam pelbagai bentuk dan format. Dari alam semulajadi, lagu, filem dan sebagainya. Kajian yang dilakukan kepada 100 orang pelajar mendapati sebanyak 73% tidak mengenali dan mengetahui tentang lagenda Dayang Senandung. Ini diikutkan dengan 87% daripada responden tersebut tidak pernah menonton filem klasik berjudul Dayang Senandung yang diarahkan oleh Jamil Sulong pada tahun 1965. Walaupun lagenda Dayang Senandung telah menjadi sebahagian daripada budaya masyarakat kita berikutan terbitnya drama yang berasaskan watak Dayang Senandung sekitar 2009 bejudul “Senandung Si Dayang” yang di lakonkan Almy Nadia dan filem pendek yang diterbitkan oleh Watson yang menggunakan tanda pagar #LagendaCunRaya pada tahun 2016 telah diterbitkan ini tidak boleh memberi satu aras tanda yang lagenda Dayang Senandung ini masih tersemat di dalam budaya masyarakat kita.




Figure 4: Drama Senandung Si Dayang Figure 5: Cerita Pendek: #LagendaCunRaya

Pengguna tipografi tersebar di seluruh dunia ini. Dengan mengambil watak Dayang Senandung sebagai inspirasi untuk mereka muka taip, masyarakat akan membuka mata tentang wujudnya satu watak yang bernama Dayang Senandung atau setidaknya pernah mendengar namanya.

#### **Rekabentuk Muka Taip:**

Rekabentuk muka taip ini diambil daripada watak Dayang Senandung yang dilakukan oleh Seniwati Datuk Hajah Sarimah Ahmad pada tahun 1965 arahan Jamil Sulong. Dayang Senandong mengisahkan tentang seorang puteri raja yang terkena sumpahan ketika baru dilahirkan. Atas arahan tabib, sumpahan itu boleh dihapuskan tetapi dengan syarat puteri raja keluar dari tinggal di istana. Apabila telah dewasa, Dayang Senandong menjadi seorang gadis yang pandai mengaji dan bersuara merdu. Sumpahan yang menimpa dayang senandung mengakibatkan kulitnya menjadi legam dan apabila sumpahan ini berakhir, kulitnya bertukar mencari cerah sempurna. Di dalam muka taip tersebut (rujuk figure 6) terdapat dua bentuk asas dalam mereka muka taip iaitu segi empat tepat dan segi empat sama.




Figure 6

Dapat dilihat di dalam muka taip berkenaan, walaupun setiap muka taip mempunyai bentuk yang berlainan tetapi muka taip tersebut masih lagi berada di dalam keluarga yang sama. Apa yang ingin ditunjukkan di sini adalah setiap ciri-ciri yang terdapat di dalam setiap muka taip adalah sama dengan muka taip yang lain walaupun berlainan bentuk asasnya. Ciri-ciri ini menggambarkan proses yang dilalui watak Dayang Senandung tidak kira semasa berkultit cerah atau legam ianya tetap orang yang mempunyai karakter dan karakteristik yang sama. Strok yang yang berlainan ketebalan yang terdapat pada setiap muka taip itu menggambarkan pertukaran kehidupan yang terpaksa dijalani oleh watak Dayang Senandung iaitu keidupan bangsawan kepada kehidupan bersendirian dan liku-liku yang dihadapinya. Serif itu mewakili simbol nota musik yang menggambarkan kelunukan suara watak Dayang Senandung semasa menyanyikan sesuatu lagu iaitu nada tinggi dan nada rendah. Pemilihan tema *retro* dipilih untuk menggambarkan filem ini diterbitkan pada kemuncak zaman *retro*. Dengan memasukkan ciri-ciri yang terdapat pada watak Dayang Senandung ini ke dalam muka taip, pereka berharap dapat memberi sedikit ilmu dan perasaan ingin tahu kepada sesiapa yang memuat turun dan menggunakan muka taip tersebut. Sehubungan itu dapat memperkenalkan dan membawa kandungan tempatan kita ke tempat yang lebih jauh.

21	22	23	24	25	26	E	27	28	29	2A
2B	2C	2D	2E	2F	30	31	32	33	34	
35	36	37	38	39	3A	3B	3C	3D	3E	
3F	40	A	B	C	D	E	F	G	H	48
I	J	K	L	M	N	O	P	Q	R	52
S	T	U	V	W	X	Y	Z			5C
5D	5E	5F	60	A	B	C	D	E	F	66
G	H	I	J	K	L	M	N	O	P	70
Q	R	S	T	U	V	W	X	Y	Z	7A

Figure 7: Muka Taip Dayang Senandung yang Lengkap

Senario menggunakan muka taip yang tidak sesuai:



Figure 8: Menunjukkan penggunaan muka taip yang tidak sesuai

Penggunaan tipografi yang tidak sesuai sering berlaku. Cal Swan (1991) mengatakan bahawa kedua-dua bidang yang berbeza (tipografi dan komunikasi) ini sering kali bersatu untuk membentuk satu mesej yang jelas dan kadang kala pemilihan muka taip itu boleh menjadi lebih penting daripada mesej yang hendak disampaikan.

## 2. KAJIAN LITTERASI

Kajian daripada pakar tentang rekabentuk, susunan, penggunaan, kriteria dan syarat telah diolah oleh penyelidik-penyalidik tersebut. Creative Bloq Staff (2007) menyatakan jenis huruf dan reka bentuk dibuat oleh para pengkaji dan memerlukan masa yang lama untuk untuk menyiapkannya. Manakala Janie Kliever (2018) tipografi bukanlah sekadar memilih jenis *font* yang terdapat di dalam bar skrol di komputer, ianya lebih dari itu. Muka taip memberikan kita idea mesej apa yang hendak disampaikan bergantung kepada jenis muka taip yang digunakan. Pemilihan muka taip amatlah penting supaya mesej yang hendak disampaikan itu tidak disalah erti oleh orang lain. Analisa daripada [Jeremy Loyd](#) (2013) menyatakan muka taip yang mempunyai kebolehbacaan yang jelas lebih berkesan untuk menyampaikan sesuatu mesej. Tipografi atau muka taip adalah salah satu daripada elemen yang terdapat di dalam rekaan grafik. Tomás G.F (2017) mengatakan rekaan grafik telah memainkan peranan yang besar di dalam revolusi industri sebelumnya dan akan memainkan peranan yang besar dalam revolusi industri ke-4 ini. [Kate Harrison](#) (2018) mengatakan seorang pereka grafik mesti mempunyai satu sifat cerewet didalam pemilihan elemen yang hendak digunakan dalam rekaan grafik. Walaupun mempunyai lambakan muka taip yang tersedia tetapi ia masih tidak dapat penuhi kehendak sesetengah pereka. Sesetengah pereka mahukan satu muka taip yang unik dan mempunyai gaya yang tersendiri dalam

mereka bentuk sesuatu desain. Dengan wujudnya satu lagi muka taip yang lain, ini membolehkan para pereka meluaskan pencarian untuk memilih muka taip mana yang mereka inginkan. Didalam era globalisasi ini, pertembungan budaya dan adat sering berlaku. Menurut Mifah S., Della P., Hafiz T. M. (2014) untuk melestarikan budaya dan adat tempatan amat penting untuk generasi muda. Ini memberikan mereka satu jati diri yang kukuh dan teguh. Kerana bangsa yang kuat adalah daripada bangsa yang berbudaya. Jikalau generasi yang lebih muda tidak mengenal budaya dan adat mereka boleh terkesan dengan budaya luar yang tidak sesuai dengan masyarakat tempatan. Selain mengukuhkan budaya dan adat tempatan, satu usaha perlu dilakukan untuk mempromosikan budaya dan adat tempatan ke luar negara. Abdul A. I. (2008) mengatakan dengan mempromosikan budaya dan adat tempatan kepada global, ini akan memberikan pendedahan awal dan minat kepada mereka untuk berkunjung dan mengetahui lebih lanjut lagi tentang budaya dan adat masyarakat tempatan.

### **3. PERMASALAHAN KAJIAN**

Watak Dayang Senandung lakonan Seniwati Datuk Hajah Sarimah Ahmad telah semakin dilupakan oleh generasi muda di Malaysia. Lama kelamaan cerita asal tentang lagenda ini akan terus lenyap ditelan zaman memandangkan zaman berubah terlalu pantas tanpa menunggu sesiapa. Disebabkan watak tersebut selalu mendapat tempat di dalam seloka, gurindam, cerita rakyat dan juga prosa Melayu dahulu kala, jadi dengan memperkenalkan nama watak tersebut, ini akan jadi langkah pertama untuk memperluaskan adat dan budaya masyarakat melayu Malaysia kepada umum di dalam dan luar negara.

### **4. KAEADAH PENYELIDIKAN**

Kajian ini dapat dihasilkan melalui data primer iaitu kaji selidik yang dialankan kepada 100 orang pelajar universiti berumur 18-20 tahun dan menggunakan kajian kesusastraan berdasarkan daripada kajian terdahulu penyelidik merangkumi reka bentuk dan penggunaan muka taip.

### **5. KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**

Artikel yang pernah diterbitkan pada tahun 2000 sehingga 2018 hanya memberi tumpuan kepada cita rasa dan kaedah penggunaan muka taip di Negara Barat. Walaubagaimana pun hasil dari rekaan tersebut muka taip ini telah mendapat lebih daripada 40 000 dan berturusan muat turun oleh pengguna di seluruh pelusuk dunia. Muka taip ini juga telah didokumentasikan oleh Luc Devroye, seorang profesor dari Fakulti Sains Komputer, Universiti McGill, Montreal, Kanada dan mendapat beberapa akreditasi oleh beberapa halaman web.

## **6. KESIMPULAN**

Melestarikan budaya masyarakat melayu umumnya Malaysia perlu menjadi perhatian dalam segala apa yang kita lakukan. Identiti dan budaya inilah yang menjadikan Malaysia unik di mata dunia. Walaubagaimana pun tema untuk muka taip “dayang Senandung” hanya berasaskan satu tema sahaja iaitu *retro*. Muka taip tersebut adalah berdasarkan filem Dayang Senandung arahan Jamil Sulong, jadi rekanya di ilhamkan daripada jalan cerita di dalam filem tersebut. Ada dua betuk asas yang terlibat iaitu segi empat tepat dan segi empat sama untuk menggambarkan watak Dayang Senandung di dalam filem ini tetapi iailah orang yang sama walaupun berlainan warna kulitnya. Strok yang yang berlainan ketebalan itu menggambarkan kehidupan yang dilalui oleh watak Dayang Senandung dan serif itu mewakili simbol nota musik yang menggambarkan kelunukan suara watak Dayang Senandung. Tema dan rekabentuk muka taip tersebut hanya sesuai digunakan untuk menggambarkan kecantikan, kehalusan dan kenangan. Adalah tidak sesuai untuk menggambarkan sesuatu yang seram, amaran dan seangkatan dengannya.

Seperti yang di nyatakan muka taip ini telah mendapat lebih daripada 40 000 muat turun dari masyarakat dunia. Ini bermakna lebih daripada 40 000 individu telah membaca perkataan “dayang Senandung” dan ini adalah salah satu langkah untuk memperkenalkan budaya kita di seluruh dunia. Selain itu dengan hanya memperkenalkan nama “Dayang Senandung” sahaja boleh menjadikan pemangkin kepada pengkaji di luar sana untuk mendalami dan mengetahui segalanya tentang watak tersebut. Dengan mengkaji watak tersebut mungkin akan membuka minat para pengkaji untuk mengkaji budaya dan identiti kita yang lain.

## **7. RUJUKAN**

Adrian, F. (2008). Typeface: The Complete Work. Basel, Northwestern Switzerland: Birkhäuser.

Alan, F. (2006). Picturing and Poeting. London, United Kingdom: Phaidon Press

Cal, S. (1991). Language and Typography. Hoboken, New Jersey: John Wiley & Sons Inc

Dr. Fang, L. Y. (2011). Sejarah Kesusteraan Melayu Kelasik. Yogyakarta, Indonesia: Yayasan Pustaka Obor Indonesia.

Robert, B. (2002). The Elements Of Typographic Style. Vancouver, Canada: Hartley & Marks Publishers

Irene, k. S. (2006). Designing with type, 5th edition: the essential guide to typography. Broadway, New York: Watson-Guptill

Jeremy, L. (2013). Typographic Readability and Legibility. [www.webdesign.tutsplus.com](http://www.webdesign.tutsplus.com)

Janie, K. (2018). 10 Ways to Improve Typography in Your Design. [www.canva.com](http://www.canva.com)

Kate, H. (2018). 5 Things You Absolutely Must To Do Before You Design Your Logo. [www.forbes.com](http://www.forbes.com)

Tomás, G. F. (2017). Design and the Fourth Industrial Revolution. Dangers and opportunities for a mutating discipline. 12<sup>th</sup> EAD Conference, 1-9. Retrieved from <https://libguides.uwf.edu/c.php?g=215199&p=1420983>

Mifah, S., Della, P., Hafiz, T. M., Iqbal, H., Sabila, R. M. (2014). Melestarikan Budaya Lokal di Indonesia. SMPN Tanjung Sari, 6-8. Retrieved from [http://www.academia.edu/9492133/melestarikan\\_budaya\\_lokal\\_di\\_indonesia\\_di\\_susun\\_sebagai\\_salah\\_satu\\_syarat\\_mengikuti\\_ujian\\_nasional\\_smp\\_kelas\\_ix](http://www.academia.edu/9492133/melestarikan_budaya_lokal_di_indonesia_di_susun_sebagai_salah_satu_syarat_mengikuti_ujian_nasional_smp_kelas_ix)

Abdul, A. I. (2008, Ogos 6). Promosi Negara Melalui Seni, Budaya. Utusan Malaysia, p. A7.

Creative B. S. (2017). Typography Rules and Terms Every Designer Must Know. [www.creativebloq.com](http://www.creativebloq.com)

Nick, C. (2018). 5 Classic Fonts That Are Still On Trend (And Why). [www.creativebloq.com](http://www.creativebloq.com).

Joshua, J. (2017). 8 Rules for Creating Effective Typography. [www.Designshack.Net](http://www.Designshack.Net)

Wan. (2017). Siapa Sebenarnya Dayang Senandung. [www.ohbulan.com](http://www.ohbulan.com)

Wahida, A. (2009). Almy Tanggung Azab Demi Senandung Si Dayang. [www.mstar.com.my](http://www.mstar.com.my)